

Bayi baru lahir ditinggal dalam beg kertas

mls 10

GOMBAK - Nyawa seorang bayi yang baru dilahirkan ternyata masih panjang apabila dia ditemui masih hidup di dalam bungkusan beg kertas di atas bonet kereta di Masjid An Nur, Bandar Country Homes, Rawang dekat sini kelmarin.

Bayi lelaki itu ditemui seorang pesara polis berusia 64 tahun pada pukul 9.15 malam dalam keadaan cukup sifat dan masih bertali pusat.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Ali Ahmad berkata, bayi terbabit ditemui selepas lelaki itu menunaikan solat Isyak sebelum dia memaklumkan kepada jemaah masjid

berhubung penemuan bayi berkenaan.

"Bayi keadaan sihat dan dibawa ke klinik berdekatan untuk pemeriksaan oleh lelaki itu.

"Siasatan awal tidak menemui saksi yang melihat bayi terbabit ditinggalkan di atas bonet kereta dan orang ramai yang mempunyai maklumat boleh menghubungi balai polis berhampiran bagi membantu siasatan," katanya ketika dihubungi semalam.

Bayi itu kemudian dihantar ke Hospital Selayang untuk rawatan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan.



INILAH beg kertas yang mengandungi bayi lelaki baru lahir yang ditinggalkan atas but sebuah kereta di Masjid An Nur, Bandar Country Homes, Rawang dekat Gombak kelmarin.



SEORANG lelaki melaungkan azan kepada bayi baru lahir yang ditemui di Masjid An Nur, Bandar Country Homes, Rawang dekat Gombak kelmarin.